

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan catat sejarah di Sabah, Sarawak

# UMS pelopor unit Palapes Laut-TLDM

UM 28-11-2012 26



MOHAMMED Noordin Ali (kanan) ditemani Mohd. Harun Abdullah (kiri) beramah mesra dengan anggota Palapes UMS di Dataran Dewan Canselor UMS, Kota Kinabalu, baru-baru ini. - UTUSAN/AZRUL EDHAM MOHD AMINUDDIN

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

utusanabah@utusan.com.my

**KOTA KINABALU** 27 Nov. - Universiti Malaysia Sabah (UMS) melakar sejarah tersendiri apabila menjadi pelopor kepada unit Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) Laut bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di Borneo.

Palapes Laut UMS merupakan unit Palapes-Laut pertama TLDM yang ditubuhkan di Sabah dan Sarawak, sekaligus membolehkan TLDM pada masa ini mempunyai 10 buah unit Palapes Laut di seluruh negara.

Komandan Palapes Laut UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah berkata, bukan sekadar satu sejarah yang tercipta apabila TLDM bersetuju meluluskan penubuhan Palapes Laut di universiti itu, tetapi banyak perkara besar yang boleh dilaksanakan bersama menerusi pe-

nubuhan unit tersebut.

Beliau yang juga Naib Canselor UMS menyifatkannya sebagai satu amanah dan tanggungjawab yang harus dipikul dengan sebaiknya, perkongsian strategik itu dilihat boleh memperkasakan lagi fungsi dan peranan UMS serta TLDM untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

"Justeru, saya berharap kakitangan akademik UMS tidak merasakan penubuhan Palapes Laut UMS hanya berkaitan dengan aktiviti Pasukan Simpanan Sukarela TLDM (PSSTLDM), sebaliknya melangkaui peranan dan fungsi UMS itu sendiri.

"Kerjasama strategik ini harus diperluaskan konteksnya dan meliputi pelbagai bidang pendidikan, penyelidikan, inovasi dan sebagai contoh, ia boleh melibatkan pelaksanaan program dalam bidang perubatan, fisiologi, psikologi, kesihatan dan kecergasan," katanya ketika berucap dalam ma-

jlis pelancaran Palapes Laut UMS di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Panglima TLDM, Laksamana Madya Datuk Mohammed Noordin Ali; Panglima Wilayah Laut 2, Laksamana Muda Datuk Mohammad Rosland Omar dan Panglima Angkatan Kapal Selam, Laksamana Pertama Abdul Rahman Ayob.

Mohd. Harun berkata, dengan UMS yang dikelilingi laut dan pulau, penubuhan Palapes Laut UMS dilihat relevan bagi mengukuhkan bidang penyelidikan universiti berhubung marinologi, hidrologi dan autonomi yang berkaitan dengan pulau-pulau di sekitar Sabah.

Menurutnya, kajian tersebut membolehkan mahasiswa mengenal isi hati dan masyarakat di kawasan pulau menerusi kajian etnografi penduduk yang melibatkan pelbagai budaya dan cara hidup masyarakat setempat.

Jelasnya, kajian seumpama itu pastinya dapat menyumbang kepada kedaulatan dan keselamatan maritim negara yang menjadi misi TLDM.

